



## **"GURU; MEMBINA ILMU, MENYEMPURNAKAN AKHLAK"**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ  
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ  
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ حَبِيبُهُ وَخَلِيلُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah.**

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita termasuk



dalam kalangan orang-orang yang dikasihi oleh Allah dan seterusnya mendapat rahmat dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah **"GURU; MEMBINA ILMU, MENYEMPURNAKAN AKHLAK"** yang merupakan tema sambutan hari guru tahun ini.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Islam adalah agama ilmu dan sangat mementingkan kemuliaan orang yang berilmu. Lantaran itu Islam memberikan kedudukan yang sangat mulia kepada para guru yang menyampaikan ilmu kepada Ummah.

Firman Allah SWT dalam surah al-Mujadalah ayat 11:

... يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ  
دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

"... Allah pasti meninggikan darjat orang-orang yang beriman di kalangan kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan Agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan".

Sewajarnya para guru dan pendidik mendapat tempat yang tinggi dalam masyarakat. Tidakkah ilmu pengetahuan, merupakan kunci kepada kebahagiaan hidup manusia di dunia, kerana tanpa ilmu, kemungkinan kita pada hari ini masih lagi berada dalam kemunduran dan kemiskinan. Oleh itu, jelaslah kepada kita bahawa, ketinggian ilmu pengetahuan merupakan ukuran yang sangat penting



dalam membezakan antara baik dan buruk, kaya dan miskin, maju dan mundur bagi sesuatu bangsa dan Negara.

Para guru dan pendidiklah merupakan ejen dalam pembangunan dan perubahan umat sejagat. Mereka umpama bintang-bintang di langit yang menjadi petunjuk kepada para pelayar di malam yang gelap.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Pada tanggal 16 Mei setiap tahun, guru di Negara kita dirai, dihargai dan dikenang jasa merka. Mereka mendidik anak bangsa menjadi insan yang mulia dan pelapis kepimpinan untuk menjana pembangunan Negara.

Sasterawan Negara al-Marhum Usman Awang pernah mengungkapkan kata dalam sajaknya;

*Jika hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa,  
Jika hari ini seorang Raja menaiki takhta,  
Jika hari ini seorang Presiden sebuah Negara,  
Jika hari ini seorang Ulama yang mulia,  
Jika hari ini seorang peguam menang bicara,  
Jika hari ini seorang penulis terkemuka,  
Jika hari ini siapa sahaja menjadi dewasa,  
Sejarahnya dimulakan oleh seorang guru biasa,  
Dengan lembut dan sabarnya mengajar menuli dan membaca.*

Begitulah ungkapan yang boleh diluahkan, bagaimana besarnya jasa seorang guru, yang pastinya kejayaan kita sekarang bermula dari didikan dan tunjuk ajar dari insan yang bergelar guru.

### **Sidang Jumaat sekalian,**



Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Tahun 2013 hingga 2015, anjakan ketiga ialah Melahirkan Rakyat Malaysia Yang Menghayati Nilai. Tanpa peranan para guru dan pendidik, hasrat murni ini tidak mungkin menjadi kenyataan.

Ia sejajar dengan peranan perutusan Rasulullah SAW sebagaimana yang dinyatakan dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

"Sesungguhnya aku diutuskan bagi menyempurnakan akhlak yang baik".

(Riwayat Ahmad).

Bimbingan dan pedoman hidup yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam tarbiahnya, telah melahirkan golongan sahabat yang berakhlak dan berdisiplin tinggi. Inilah hasrat dan cita-cita setiap orang yang cintakan Allah dan Rasul-Nya. Namun reality kehidupan masyarakat dewasa ini, memaparkan isu dan krisis keruntuhan moral dalam kalangan anak-anak kita, seperti kes buli, pukul, buang bayi, jenayah siber, merempit dan sebagainya.

Selain peranan guru dan pendidik, ibu bapa serta ahli masyarakat sewajarnya memainkan memainkan peranan secara bersama. Gunakanlah ruang permuafakatan melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG) untuk menjana idea dan menyelesaikan masalah. Kita tidak boleh meletakkan peranan membentuk akhlak dan peribadi anak-anak hanya kepada guru di sekolah sahaja.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**



Malangnya dewasa ini, amat sedikit mereka yang mengucapkan terima kasih kepada guru, sebaliknya kita melihat ada segelintir ibu bapa yang suka menuding jari kepada guru terhadap segala permasalahan yang berlaku ke atas pelajar. Sikap ini boleh membantutkan peranan sebenar guru dalam mendidik dan menyemat keperibadian unggul para pelajar. Ibu bapa sewajarnya berperanan membimbing anak-anak, agar lebih menghormati seorang insan yang bernama guru, bahkan menghormati siapa sahaja yang berada di sekeliling mereka. Kerana dengan penghormatan tersebut, akan lebih berkatlah ilmu yang diperolehinya.

Para ulama Salafu as-Soleh amat mengambil berat adab dan etika berguru. Imam an-Nawawi Rahimahullah dalam pendahuluan kitabnya al-Majmu' menyatakan: *"Hendaklah seorang penuntut ilmu itu merendahkan dirinya terhadap ilmu dan guru, kerana disebabkan rendah diri itulah dia akan mendapat ilmu. Sesungguhnya kita telah diperintahkan untuk bersikap rendah diri secara mutlak, maka dalam menuntut ilmu, merendah diri itu lebih dituntut"*.

Para ulama juga pernah berkata: *"Ilmu itu musuh bagi orang yang sombong, seumpama air tidak akan mengalir ke puncak gunung"*.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Pengorbanan seorang guru amat besar dalam mendidik umat. Setiap seorang dari kita pasti akan mengenang jasa guru-guru, sejak dari kita mula melangkah ke alam persekolahan. Sedar atau pun tidak, pengorbanan mereka sentiasa tersemat dalam ingatan kita. Malah pengorbanan merekalah yang sebenarnya telah mendorong kita untuk berusaha menjadi seperti mereka, iaitu insan yang sanggup berkorban demi kebaikan orang lain.



Kita pastinya masih mengingati bagaimana guru-guru kita dahulu sanggup meluangkan masa, tenaga, malah wang ringgit demi membantu kita Berjaya dalam pelajaran. Kemudian tatkala kita telah Berjaya dan dewasa, adakah patut kita membiarkan pengorbanan mereka ini diabai tanpa dikenang? Guru pastinya tidak meminta balasan material daripada kita. Apa yang diharapkan ialah murid-murudnya mendoakan dan juga menghargainya dalam pelbagai cara. Sesungguhnya berterima kasih kepada manusia adalah tanda kita bersyukur dan berterima kasih juga kepada Allah SWT.

Hadis daripada Abu Sa'id al-Khudri RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ لَمْ يَشْكُرِ النَّاسَ لَمْ يَشْكُرِ اللَّهَ

*"Sesiapa yang tidak berterima kasih kepada manusia, sesungguhnya dia tidak berterima kasih juga kepada Allah SWT".*

*(Riwayat at-Tirmizi).*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Menyedari betapapentingnya peranan kita dalam mengangkat martabat seorang guru, mimbar pada hari ini menyeru kepada sidang Jumaat agar memenuhi beberapa tuntutan berikut:

1. Umat Islam hendaklah mencontohi Rasulullah SAW sebagai qudwah hasanah iaitu ikutan terbaik sebagai pendidik yang patut dicontohi dalam penyempurnaan akhlak.
2. Warga guru hendaklah mempertingkatkan kredibiliti, ilmu dan akhlak agar sentiasa menjadi contoh terbaik dalam masyarakat.



3. Ibu bapa tidak sewajarnya hanya sekadar menuding jari kepada guru di atas setiap permasalahan yang timbul, bahkan berusaha menggembeleng tenaga bersama-sama guru untuk membentuk generasi yang berilmu dan berakhlak mulia disamping mengucapkan terima kasih kepada guru.
4. Setiap penuntut ilmuperlu bersikap tawaduk dan rendah diri terhadap gurunya, kerana keberkatan itu akan lahir bersama dengan sikap tersebut.
5. Guru, murid dan masyarakat hendaklah membina hubungan atas dasar rasa hormat dan kasih sayang untuk mendapat keberkatan dan keredhaan Allah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ

الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

*"Malaikat itu menjawab: "Maha suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; Sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana".*

*(Surah al-Baqarah : 32).*



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ  
وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَان شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَان صَلاَحُ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلاَحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.